



MAJLIS ISLAM SARAWAK

ARAS 16 & 17,
MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH,
JALAN P.RAMLEE,
93400 KUCHING, SARAWAK.

Emel : mis50@sarawak.gov.my
Laman Web : www.mis.sarawak.gov.my

PEJABAT YANG DIPERTUA
TEL :082-507214 FAKS :082-507240

PEJABAT SETIAUSAHA
TEL :082-507215 FAKS :082-507241

TALIAN AM
TEL :082-507251/507250 FAKS:082-507254

Ruj Kami: JAIS/KIM/PMS/700-2/1/3 (32.)
Tarikh: 1 Disember 2020

SEMUA Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid/ Surau di Seluruh Sarawak

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Berbahagia Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan,

PEKELILING HAL EHWAL MASJID BIL 6/2020 : PENGESAHAN PAPAN TANDA NAMA MASJID/SURAU

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwat Masjid Dan Tanah Perkuburan - Majlis Islam Sarawak Kali Ke-42 Bil. 7/2020 bertarikh 6 November 2020 telah memutuskan agar penggunaan Bahasa Arab dan tulisan jawi pada papan tanda nama masjid/surau hendaklah betul dan tepat.

3. Sehubungan itu, sebagai tindakan penyelarasan dan tindakan pembetulan, semua Jawatankuasa Pengurusan atau Jawatankuasa Pembinaan Masjid/Surau adalah diarahkan untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

i. Pengesahan Papan Tanda Nama Masjid/Surau Baru

- a. Mengemukakan draf papan tanda nama kepada Pejabat Agama Islam Bahagian masing-masing untuk semakan dan kelulusan.
- b. Cetakan atau pembuatan papan tanda hanya boleh dilakukan setelah mendapat surat kelulusan dari Pejabat Agama Islam Bahagian masing-masing.


ii. Semakan Semula Papan Tanda Nama Masjid/Surau Sedia Ada

- a. Mengemukakan gambar papan tanda nama sedia ada kepada Pejabat Agama Islam Bahagian masing-masing untuk semakan.
- b. Sekiranya ada kesilapan, usahakan tindakan untuk pembetulan papan tanda berkenaan berdasarkan syor daripada Pejabat Agama Islam Bahagian masing-masing dan kemampuan kewangan JKP.

4. Arahan ini hendaklah berkuatkuasa mulai **1 Disember 2020**.

5. Atas perhatian dan kerjasama pihak Yang Berbahagia Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan dalam hal ini, kami merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

"PEMACU KECERLANGAN UMMAH"
"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"


(HAJI KHALIDI BIN HAJI IBRAHIM)
Setiausaha
Majlis Islam Sarawak

s.k: Semua Pegawai Agama Islam Bahagian – Mohon kerjasama pihak Tuan untuk mengemukakan pekeliling ini kepada semua Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid di bahagian masing-masing